

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 11 DISEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 27

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1533-L12456
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-
 - (a) jumlah aduan terhadap penyelewengan barang bersubsidi seperti minyak diesel, tong gas, minyak masak dan lain-lain dengan terperinci; dan
 - (b) berapakah jumlah tangkapan yang dibuat dan jumlah yang dituduh di mahkamah mengikut daerah di Sarawak.
2. PN-1533-L12366
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bajet yang telah diperuntukkan untuk menyukat Tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) di Sarawak bagi tahun 2025.
3. PN-1533-L12725
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian kini telah bergerak ke arah pembangunan sistem pertahanan angkasa memandangkan teknologi pertahanan angkasa berteraskan teknologi satelit dan kecerdasan buatan yang juga merangkumi penggunaan senjata satelit kini telah banyak dibangunkan dan diterima pakai oleh kuasa-kuasa besar dunia bagi menjaga dan memperkukuh kedaulatan ruang angkasa negara.

4. PN-1533-L12711
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah Kementerian dalam mengawal selia perkhidmatan *Over-the-Top (OTT)* dengan pindaan terhadap Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] bagi memastikan penapisan kandungan yang lebih terperinci dalam platform OTT seperti Astro Go dan Netflix.
5. PN-1533-L12782
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah keselamatan di tapak binaan dan pengurusan aliran lalu lintas apabila projek Naik Taraf Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri dilaksanakan di Melaka pada tahun 2025, serta bagaimana keutamaan pengguna jalan raya akan diberi perhatian dalam usaha meminimumkan risiko yang mungkin timbul daripada projek ini.
6. PN-1533-L12597
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan status proses rangkaian 5G kedua selepas pengambil alihan Digital Nasional Berhad (DNB) oleh pengendali telekomunikasi swasta.
7. PN-1533-L12555
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kadar kemalangan atau kecelakaan yang berpunca daripada penggunaan kenderaan berkuasa bahan api gas asli mampat (NGV) sehingga menyebabkan pemberhentian penggunaan kenderaan tersebut dan bagaimanakah Kementerian akan memudah cara pemilik kenderaan berkenaan menerusi program Bantuan Peralihan NGV yang dilaksanakan.
8. PN-1533-L13047
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan e-sukan di Malaysia agar dapat menyokong penganjuran liga yang lebih kompetitif, susulan kejayaan pasukan Selangor Red Giant menjuarai World Cup E-Sport pada bulan Julai yang lepas.
9. PN-1533-L12981
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi isu kematian kanak-kanak di bawah umur 5 tahun yang disebabkan oleh keadaan tertentu seperti 'perinatal' yang merupakan penyebab utama kematian. Bagaimanakah Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan kadar kematian ini pada masa hadapan.

10. PN-1533-L12541

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk membangunkan ekonomi tempatan baharu dan memperkasakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui pelaburan dan usaha sama asing Kerajaan agar negara dapat berkembang melalui penggunaan teknologi baharu, inovasi dan akses kepada pasaran antarabangsa.

11. PN-1533-L12851

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian untuk menarik penganjuran konsert di Malaysia dan memudahkan permohonan lesen untuk persembahan artis luar negara; dan
- (b) tindakan Kementerian dalam mempromosikan Malaysia, terutamanya Pulau Pinang, sebagai lokasi penggambaran filem dan program televisyen.

12. PN-1533-L13003

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membeli perkhidmatan daripada hospital swasta, terutamanya di bandar dan kawasan di mana perkhidmatan pakar tidak tersedia di hospital awam.

13. PN-1533-L13083

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah terdapat insentif-insentif khas bagi menggalakkan sektor-sektor tertentu di Sabah, seperti pembuatan, memandangkan Sabah masih lagi ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain.

14. PN-1533-L12644

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai jumlah pertambahan kemasukan imigran secara haram di Malaysia. Sejauh manakah kawalan penguat kuasa di pintu-pintu masuk negara supaya imigran larangan tidak membolos dengan mudah ke negara ini.

15. PN-1533-L12531

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan isu berkaitan penggunaan serta penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang akhir-akhir ini semakin tidak dititikberatkan. Adakah berlaku pengajaran dan pembelajaran termasuk dalam kertas ujian yang menggunakan Bahasa Mandarin bagi subjek Sejarah di SJKC dan apakah tindakan yang diambil Kementerian dalam memastikan Bahasa Melayu kekal menjadi bahasa pengantar bagi mata pelajaran ini demi memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

16. PN-1533-L13104

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini mengenai audit yang dijalankan oleh SPRM dan bagaimana penemuan audit ini akan mempengaruhi pengurusan masa depan Human Resource Development Corporation, serta apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah masalah tadbir urus di masa hadapan.

17. PN-1533-L12879

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan menubuhkan Dana Insurans Kesihatan Sejagat untuk menangani kos penjagaan kesihatan yang semakin meningkat kerana inflasi kos perubatan mencapai 12.6% pada tahun 2023.

18. PN-1533-L12509

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bentuk rombakan semula proses tuntutan faedah, termasuk faedah Hilang Upaya Kekal (HUK) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), dan bagaimana Kementerian dapat memastikan rombakan proses terbaharu ini tidak memberikan bebanan yang melampau kepada golongan yang benar-benar terkesan.

19. PN-1533-L12672

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia untuk mengkaji semula polisi pertukaran guru-guru dalam usaha mengangkat agenda kebajikan guru-guru.

20. PN-1533-L12961

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian menyediakan sistem pengaduan yang selamat dan mudah diakses bagi pelajar untuk melaporkan kes buli atau keganasan tanpa rasa takut, serta langkah yang diambil untuk menggalakkan pelajar tampil membuat laporan.

21. PN-1533-L12992

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini berkenaan tangkapan besar-besaran yang dibuat ke atas anggota Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) dan bagaimana Kementerian menangani tanggapan tindakan polis yang dianggap keterlaluan.

22. PN-1533-L12701

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pencapaian terkini program PERMATA@Pintar Negara dan bilangannya termasuk peratusan murid dari kawasan luar bandar yang telah berjaya memasuki program tersebut.

23. PN-1533-L13037

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk subsidi minyak masak berpaket sepanjang tahun 2023 dan 2024, dan adakah Kerajaan merancang untuk menghentikan subsidi tersebut dalam masa terdekat.

24. PN-1533-L12446

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk mempercepatkan peralihan kepada tenaga boleh diperbaharui dalam tempoh lima tahun akan datang dan apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan Malaysia mencapai sasaran pelepasan karbon sifar menjelang tahun 2050.

25. PN-1533-L12394

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah mekanisme Kerajaan dalam menangani kadar hutang dan liabiliti yang telah berjumlah lebih RM 1.5 trilion sehingga akhir suku pertama 2024, di mana hutang langsung Kerajaan sahaja dilaporkan sudah mencecah RM 36.7 bilion bagi suku pertama 2024.

26. PN-1533-L12796
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Timbalan-timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang diselaraskan di bawah Bahagian Pemantauan dan Penyelenggaraan SPRM untuk 5 tahun kebelakangan ini.
27. PN-1533-L12374
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membantu komuniti luar bandar memasarkan produk pelancongan mereka seperti pelancongan desa dan agropelancongan. Bagaimanakah Kementerian memastikan bahawa komuniti ini mendapat manfaat ekonomi secara langsung daripada aktiviti pelancongan.
28. PN-1533-L13057
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memodenkan pertanian negara selari dengan negara-negara yang maju dalam pertanian seperti Thailand.
29. PN-1533-L13017
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penubuhan jawatankuasa khas bagi menangani segala bentuk acara yang mempromosikan unsur-unsur LGBT agar kedaulatan agama Islam di Malaysia kekal terpelihara.
30. PN-1533-L12818
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik kes buli di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pendidikan tinggi seluruh negara serta mekanisme pemantauan berterusan di setiap peringkat institusi pendidikan.
31. PN-1533-L12487
Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada terdapat sebarang garis panduan pembangunan pusat data berkaitan kawalan impak pembangunan tersebut kepada alam sekitar. Memandangkan Malaysia menjadi tumpuan untuk pelaburan pusat data, bagaimanakah Kementerian akan memastikan pembangunan pusat data ini tidak menjejaskan alam sekitar Malaysia.

32. PN-1533-L12636

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keuntungan operasi Khazanah Nasional Berhad pada tahun 2020, 2021, 2022, 2023 dan 10 bulan pertama tahun 2024 serta senaraikan keuntungan dan kerugian operasi syarikat yang telah dilaburkan di bawah Khazanah Nasional Berhad sendiri.

33. PN-1533-L12899

Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bagaimana Kementerian mengukur tahap kesiapsiagaan tentera (*military readiness*) bagi Angkatan Tentera Malaysia. Bagaimanakah kebersiapan tentera kita jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain.

34. PN-1533-L13067

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan graduan berkemahiran dalam '*Artificial Intelligence*' selari dengan perkembangan global.

35. PN-1533-L12521

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan isu produk makanan dari negara luar yang syubahah iaitu yang banyak didapati di pasaran dengan hanya menggunakan logo halal luar negara tetapi isi kandungan produk tersebut diragui status halalhnya.

36. PN-1533-L12608

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan boleh mempertimbangkan cadangan untuk mewujudkan suatu tabung amanah (*trust fund*) khas negeri Sabah agar masalah baki peruntukan tahunan persekutuan yang tidak habis digunakan dapat diselesaikan sekaligus negeri Sabah boleh menggunakan peruntukan tersebut sepenuhnya.

37. PN-1533-L12498

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan industri inap desa dapat menyumbang kepada kemampuan industri pelancongan negara tanpa menjejaskan budaya tempatan atau persekitaran terutamanya di kawasan ekologi yang sensitif.

38. PN-1533-L12937

Senator Dato' Sri Vell Paari a/ Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian dalam menyediakan biasiswa dan bantuan pendidikan tinggi khusus kepada pelajar dari komuniti India yang kurang berkemampuan, terutamanya untuk pendidikan tinggi dalam bidang kritikal seperti sains, teknologi, dan kejuruteraan.

39. PN-1533-L12415

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah perancangan Malaysia dalam mengambil alih peranan sebagai Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN pada 2025 bagi memastikan legasi Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN akan meninggalkan kesan positif untuk tahun mendatang baik di rantau Asia Tenggara dan di peringkat global.

40. PN-1533-L12858

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) masih membiayai kos tanam semula ladang sawit atau getah di atas tanah-tanah Tanam Semula Komersial (TSK) milik Orang Asli di Pahang yang diuruskan oleh Pahang Orang Asli Corporation (ORACO).

41. PN-1533-L12617

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perancangan Kerajaan yang seterusnya terhadap stesen jana kuasa elektrik negeri Perlis yang telah tamat tempoh operasi penjana kuasa bebas (IPP) setelah 21 tahun ia berfungsi dalam menjamin kestabilan bekalan elektrik kepada Negeri Perlis, Pulau Langkawi dan Kedah Utara.

42. PN-1533-L12842

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah aduan yang telah dibuat melalui talian 997 yang dikendali oleh Pusat Respons Scam Kebangsaan (NFCC) bagi kes penipuan dalam talian bagi tempoh tahun ini; dan
- (b) adakah waktu operasi talian 997 NFCC akan dilanjutkan sehingga 24 jam.

43. PN-1533-L12946
Senator Dato' Sri Vell Paari a/ Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status Terminal Bersepadu Gombak yang sepatutnya telah mula beroperasi tetapi masih belum lagi beroperasi sehingga kini.
44. PN-1533-L12907
Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perkembangan terkini yang telah dan sedang berjalan dalam Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ).
45. PN-1533-L12928
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah benar pendapat sebilangan rakyat bahawa diantara ciri-ciri Kerajaan MADANI ialah "Cukai naik, Subsidi turun".
46. PN-1533-L13094
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sekiranya terdapat hasrat untuk mempertimbangkan pendekatan perundangan atau penambahbaikan terhadap undang-undang sedia ada dan apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mencegah percubaan serupa oleh pihak luar pada masa hadapan berkaitan dengan Tuntutan Sulu.
47. PN-1533-L12831
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah faktor utama yang menyebabkan gangguan perkhidmatan syarikat penerbangan Malaysia Airlines yang berlaku baru-baru ini serta langkah-langkah bagi memastikan kejadian gangguan perkhidmatan tidak berulang pada masa hadapan dan mengembalikan keyakinan pengguna kepada syarikat penerbangan negara.
48. PN-1533-L12357
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat jejambat (*flyover*) yang masih belum dibina bagi memudahkan lalu lintas di setiap persimpangan bandar-bandar di Sarawak.

49. PN-1533-L12589

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah mekanisme dan langkah-langkah bagi membendung lambakan kontena sisa pepejal plastik dari Eropah dan Amerika Syarikat yang berlabuh di pelabuhan negara iaitu Pelabuhan Klang yang menyebabkan negara menjadi tempat pembuangan sampah kedua di dunia.

50. PN-1533-L12773

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan dan usaha yang dilakukan oleh Tabung Haji (TH) bagi meningkatkan prestasi agihan keuntungan kepada pendeposit TH agar kadar 3.1 peratus sejak 2020 ditingkatkan dan keupayaan modal deposit TH lebih besar atau kukuh.

51. PN-1533-L12764

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah kebenaran dakwaan daripada beberapa pihak yang mengatakan bahawa pelajar dalam kalangan orang asal bukan islam di Sabah dan Sarawak yang ingin melanjutkan pelajaran di luar negara dianaktirikan daripada mendapat biasiswa MARA; dan
- (b) berapakah bilangan pelajar orang asal bukan islam di Sabah dan Sarawak yang mendapat biasiswa bagi tahun 2022-2024.

52. PN-1533-L12869

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk memberikan tempoh kelonggaran selama dua tahun bagi penguatkuasaan levi pelbagai peringkat untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

53. PN-1533-L12972

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah pengawalan bagi memastikan ketelusan dana derma badan awam dan berapakah bilangan kes serta jumlah dana yang disalahgunakan dalam lima tahun ini; dan
- (b) apakah mekanisme audit yang dijalankan dan peruntukan yang diberikan serta tindakan undang-undang yang diambil untuk mencegah penyelewengan dana.

54. PN-1533-L12664

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam mendepani masalah banjir kilat yang membelenggu beberapa kawasan di ibu negara dan bandar-bandar lain akibat daripada perubahan iklim sekarang.

55. PN-1533-L12436

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan vaksin dalam mengawal penyakit selsema burung memandangkan ia boleh mengancam kesihatan penduduk dan menjejaskan keterjaminan makanan sekiranya wabak tersebut berlaku.

56. PN-1533-L12810

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kerjasama antara institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan pemain industri bagi memastikan pelajar mendapat latihan yang relevan dan berdaya saing serta perancangan strategik untuk memastikan bahawa graduan daripada program Huffaz TVET dapat berdaya saing di peringkat global dan memenuhi keperluan dunia industri.

57. PN-1533-L12737

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan persediaan yang sedang dilaksanakan Kementerian bagi mengembalikan semula Program Highly Immersive Programme Mentor (HIP Mentor) yang terdiri daripada pesara guru dan pensyarah bahasa Inggeris dan adakah Kementerian turut mempertimbangkan tenaga pengajar sukarelawan dari Singapura sebagai sebahagian daripada program ini.

58. PN-1533-L12548

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada penyelidikan menyeluruh ke atas teknik penghasilan vaksin yang paling terbaharu iaitu teknologi *Self-replicating RNA (srRNA) vectors* atau dikenali juga dengan nama replicon dibuat, supaya dengan penggunaan teknologi terbaharu ini Malaysia dapat menghasilkan vaksin-vaksin yang lebih efektif dengan kadar yang lebih banyak dan cepat.

59. PN-1533-L12889

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 bagi mengemaskinikan perkara-perkara yang berkaitan dengan penguatkuasaan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara sebagaimana yang dimaktubkan dalam Perkara 152(6) Perlembagaan Persekutuan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.45/2024) Rang Undang-undang Perbekalan 2025 -
Menyambung semula Perbahasan atas masalah

(10 Disember 2024)

[Menteri Kewangan]

Bacaan Kali Kedua
2. *(D.R.48/2024) Rang Undang-undang Kewangan 2024

[Menteri Kewangan]

Bacaan Kali Pertama
3. *(D.R.49/2024) Rang Undang-undang Langkah-Langkah
Bagi Pemungutan, Pentadbiran dan
Penguatkuasaan Cukai 2024

[Menteri Kewangan]

Bacaan Kali Pertama
4. *(D.R.50/2024) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti
Perniagaan Labuan (Pindaan) (No.2) 2024

[Menteri Kewangan]

Bacaan Kali Pertama
5. *(D.R.43/2024) Rang Undang-undang Industri
Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024

[Menteri Peralihan Tenaga dan
Transformasi Air]

Bacaan Kali Pertama

6. *(D.R.19/2024) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
7. *(D.R.18/2024) Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
8. *(D.R.20/2024) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
9. *(D.R.44/2024) Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri Pengangkutan]
10. *(D.R.46/2024) Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri Sumber Manusia]

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.